



CENDERA KENANGAN .... Prof. Madya Dr. Ismail Ali (dua kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Naib Canselor UNIMAS, Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab Hamid.



PARA PESERTA .... Peserta persidangan Perniagaan Antarabangsa Borneo (IBBC).

# 77 kertas penyelidikan dibentangkan ahli akademik dari pelbagai negara

NST 20-12-2012 8

OLEH NAZRINI BADARUN  
nazrini@newsabah-  
times.com.my

**TAWAU:** Sebanyak 77 kertas penyelidikan dibentangkan para ahli akademik dari pelbagai negara bersempena Persidangan Perniagaan Antarabangsa Borneo (IBBC) Kali ke lima yang berlangsung selama tiga hari di sini.

Dekan Sekolah dan Perniagaan Ekonomi (SPE) Universiti

Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Hajah Arsiah Haji Bahron berkata, kertas penyelidikan berkenaan akan dibentangkan melalui lima sesi dan dibahagikan mengikut bidang masing-masing.

Menurutnya, para pembentang berkenaan adalah datang dari negara Afrika, Mexico, New Zealand, Korea Selatan, Pakistan dan lain-lain.

"Saya percaya peserta akan memanfaatkan ilmu dan peluang yang diperolehi bagi memperlu-

askan lagi pengetahuan serta perkongsian dengan mereka yang lain," katanya ketika berucap pada perasmian persidangan berkenaan.

Katanya, persidangan berkenaan akan menjadi platform buat ahli akademik, penyelidik untuk berkongsi ilmu dan saling bertukar pendapat mengenai isu-isu semasalam bidang ekonomi dan perniagaan.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Datuk Dr Mohd Harun Ab-

dullah dalam ucapannya berkata para peserta akan dapat meneroka dan membincangkan perkara-perkara mengenai tema persidangan untuk saling berkongsi pengetahuan, kepakaran dan juga pengalaman.

Menurutnya, tema persidangan iaitu Kelestarian Perniagaan dan Ekonomi dan Kerjasama Asia itu memfokus mengenai realiti dan cabaran semasa perniagaan dan persekitaran ekonomi.

Teks ucapannya disampaikan

Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan, Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Persidangan anjuran bersama Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang bermula pada 2004 itu akan berlangsung selama tiga hari.

Turut hadir pada majlis itu, Naib Canselor UNIMAS, Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab Hamid dan Dekan FEP, UNIMAS, Prof. Dr. Shazali Abu Mansor.